

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA'(FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI  
HUKUM SEMBAHYANG JAMA' KERANA MENJALANI RAWATAN PENYAKIT-  
PENYAKIT KRONIK DI HOSPITAL-HOSPITAL KERAJAAN DAN SWASTA**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Persoalan ini dikemukakan untuk mendapat pandangan dan pertimbangan Ahli-Ahli Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan mengenai Hukum Sembahyang Jamak Kerana Menjalani Rawatan Penyakit-Penyakit Kronik.

**2. PERBINCANGAN**

2.1 Mesyuarat Jawatankuasa Perunding Hukum Negeri Selangor telah memutuskan bahawa menerima pakai keputusan yang telah dibuat oleh Jawatankuasa Perunding Hukum Farwa Kebangsaan iaitu;

2.1.1 Harus sembahyang jamak kerana rawatan yang memekan masa yang lama.

2.1.2 Mesyuarat seterusnya bersetuju bahawa hokum ini juga terpakai untukpekerja-pekerja yang tidak dapat meninggalkan tugasnya kerana sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti doktor yang bertugas di wad ICU, dan seumpamanya yang terpaksa bertugas tanpa had masa dan lain-lain "dharurat"

2.1.3 **Keharusan** tersebut hanya dikhususkan pada masa berlaku dharurat tersebut sahaja, tidak terpakai pada masa sihat atau hari yang tiada rawatan atau ketika tidak bertugas.

2.2 Ini berdasarkan hujah iaitu;

Mengikut pendapat **Mazhab Syafie**, harus jamak sembahyang kerana musafir yang lama perjalanannya dengan sebab hujan secara takdim sahaja,

apabila dilakukan sembahyang itu secara berjemaah di masjid yang jauh daripada rumahnya, mengelakkan kesusahan untuk pergi kesana, maka ia harus menjamakkan sembahyang samaada takdim atau takhir bagi orang yang sakit.

2.3 Mengikut Keputusan Jawatankuasa Fatwa kali ke 14 pada 22-23 Oktober 1985 menyatakan bahawa **dalam Islam uzur syarie adalah diertikan** seperti berikut;

2.3.1 Keuzuran yang diluar kuasa seseorang untuk mengatasinya seperti penyakit kronik, menghadapi hujan, ribut dan taufan.

2.3.2 Keuzuran yang bersabit dengan keluarga atau sanak saudara yang sakit tenat yang tiada harapan untuk hidup yang perlu diziarahi.

2.3.3 Keuzuran berkenaan dengan kemungkinan berlaku kerosakan bahan perusahaan yang ditinggalkan semasa menunaikan fardhu Jumaat.

2.4 Daripada kesimpulan diatas dapatlah dirumuskan bahawa menjalani rawatan penyakit-penyakit kronik seperti hemodialisis bagi penyakit buah pinggang dan seumpamanya adalah dikira uzur syarie yang luar kuasa seseorang mengatasinya.

### **3 KEPUTUSAN**

**Jawatankuasa Perunding Hukum Syara'(FATWA) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti adalah HARUS sembahyang jamak kerana menjalani rawatan penyakit kronik di hospital-hospital kerajaan dan swasta.**